



DR MAHATHIR mendeklamasikan sajak bertajuk *Damainya Negeriku* pada Pesta Puisi Patriotik 4 Ogos lalu.



Puisi Dr M penuh nada perjuangan

BH 31/10/2003 - 21 PRECISE

Oleh Hassan Omar

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering mengingatkan rakyat, terutama masyarakat Melayu supaya sentiasa berjuang untuk memajukan negara bagi menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Peringatan yang diberikan Dr Mahathir itu bukan setakat melalui ucapannya, malah dalam bentuk pengucapan melalui puisi sejajar fungsi puisi sebagai pengalihan perasaan seseorang melalui tulisan kreatif.

Bakat kreatif dalam membina bait-bait puisi yang ada pada Dr Mahathir itu melahirkan beberapa puisi yang sarat dengan makna untuk dihayati masyarakat. Melalui puisinya, Dr Mahathir mengajak rakyat supaya menginsafi nasib mereka pada masa lalu, kini dan akan datang.

Sajak terakhir dideklamasikan Dr Mahathir adalah pada akhir pembentangan Bajet 2004 di Parlimen, September lalu.

Perdana Menteri mendoakan kesejahteraan Malaysia melalui sajak beliau:

*Kernamu Malaysia,
Tegakkan nusa gagahkan bangsa,
Kita susun seribu langkah, menuju ke hadapan
Bersama mensesah pekat malam, menerjah gelombang
Berlari mengejar cahaya, menepati janji di hujung jalan
Walau berdepan sejuta rintangan
Sekali pun jatuh di medan perjuangan
Namun tetap meredah, mencapai wawasan
Alangkah damainya negeri ku ini
Dilimpahi rahmat, kemakmuran dikurniai
Bangsa bersatu berjiwa waja
Semangat patriotik kian membara
Dunia sudah membuka mata
Penghormatan kini menjadi nyata
Tiada lagi penindasan
Tiada lagi penghinaan
Kemerdekaan terus terpelihara
Damainya negeriku... Malaysia.*

roh, kedamaian yang dicari-carinya masih belum ditemui meskipun hingga ke malam dan mengajak rakyat Malaysia memperjuangkan usaha memajukan negara kerana kejayaan akan sentiasa menunggu mereka yang rajin berusaha.

Puisi yang dihasilkan Dr Mahathir menjelang sambutan kemerdekaan negara, sering menjadi penggalak untuk rakyat menyertai pelbagai program.

Contohnya, ketika menyambut Hari Kebangsaan 2002, kira-kira 200,000 orang di seluruh negara menyertai perarakan berjalan kaki dari seluruh daerah ke ibu negeri masing-masing dalam 'Program Perjalanan Kemerdekaan 2002' anjuran Jabatan Perdana Menteri, bermula 12 hingga 23 Ogos 2002.

Program itu mencapai kemuncaknya apabila kira-kira 2,000 orang menyertai upacara perasmian perjalanan kemerdekaan bagi peringkat Kota Melaka ke Putrajaya pada 24 Ogos 2002.

Program berkenaan diilhamkan daripada sajak yang dideklamasikan Dr Mahathir di Pesta Puisi Patriotik kedua di Putrajaya, 29 Ogos 2001 iaitu *Di Atas Runtuhan Kota Melaka Kita Dirikan Putrajaya*.

Sajak ciptaan Dr Mahathir dari perspektif ahli akademik dan penggiat seni di negara ini memiliki kekuatan tersendiri. Bagi pensyarah Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM), Prof Madya Rahman Shaari, puisi *Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa* karya Dr Mahathir yang dibacakan dalam acara Baca Puisi Merdeka di Putrajaya pada 29 Ogos 2002 adalah yang terbaik pernah dihasilkan pemimpin itu.

Ini kerana puisi Dr Mahathir itu menunjukkan corak pengucapan lebih berseni dan banyak menggunakan perlambangan termasuk gelombang serta taufan.

Lambang berkenaan digunakan bagi memberi gambaran masalah orang Melayu yang lebih besar, iaitu tidak mahu belajar daripada sejarah. Meskipun Dr Mahathir tidak menggunakan istilah bangsa itu secara langsung tetapi ia boleh diteka bangsa Melayu yang menjadi sasaran beliau.

Dalam sajak berkenaan, meskipun Dr Mahathir memulakan puisinya dengan nada pesimis tetapi mengakhirinya dengan nada optimis dan bersikap progresif apabila menyatakan bangsa Melayu boleh menghadapi cabaran mendatang dengan lebih gagah.

Puisi Dr Mahathir itu juga mempunyai tingkat kekomunikatifan tertinggi iaitu lima sama seperti Sasterawan Negara (SN), Allahyarham Datuk Usman Awang, sehingga orang biasa pun boleh menghayati puisinya sekalipun jika mereka tidak berminat dalam bidang ini, katanya.

Kecenderungan Dr Mahathir menulis puisi membuktikan genre itu boleh digunakan sebagai saluran untuk memberi nasihat, semangat dan arah dalam perjuangan bangsa Melayu sebagaimana yang menjadi amalan anggota pengarang Angkatan Sasterawan 50 (Asas 50).

Tiga puisi Dr Mahathir iaitu *Perjuangan Yang Belum Selesai*, *Melayu Mudah Lupa* dan *Menghadapi Cabaran Menatang Bangsa*, menggunakan bahasa bersahaja dan berterus terang, sekali gus berjaya mengungkapkan pernyataan diri, pemikiran dan perasaannya, selain melahirkan falsafah yang ingin disampaikan.

Pernyataan ini berjaya dibina melalui pemilihan dan penggunaan diksi yang tidak merumitkan pemikiran Khalayak.

Sajak *Perjuangan Yang Belum Selesai* membawa gagasan perjuangan mendaulatkan bangsa dan negara yang tidak akan berakhir. Bagaimanapun, perjuangan itu tidak disedari ramai orang.

Puisi yang dihasilkan Dr Mahathir menjelang sambutan kemerdekaan negara, sering menjadi penggalak untuk rakyat menyertai pelbagai program.

Dr Mahathir yang dikenali pada peringkat antarabangsa sebagai pemimpin yang tidak gentar untuk melaungkan kebenaran, tidak pernah jemu mengajak rakyat supaya mencintai kedamaian. Hal ini dapat dilihat daripada sajak *Damainya Negeriku* yang dideklamasikannya pada Pesta Puisi Patriotik Ke-4 di Taman Putra Perdana, Putrajaya, 29 Ogos lalu.

Dr Mahathir secara jelas mengajak rakyat Malaysia agar sentiasa mencintai negara ini. Dengan mengangkat tema kedamaian kehidupan manusia sejagat, beliau mengajak rakyat menginsafi betapa beruntungnya mereka menikmati kehidupan yang penuh kedamaian di negara ini.

Pengucapan puisi yang penuh dengan nada memujuk itu mengemukakan perbandingan keharmonian kehidupan di negara ini, berbanding negara lain yang dilanda peperangan, kekejaman dan kemusnahan.

Dr Mahathir sesekali sebak, terutama ketika mengucapkan bait 'kita tidak lagi akan menjadi bangsa dihina'.

Tidak ketinggalan Dr Mahathir sempat berselo-